

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 8 JULAI 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil ke atas pemilik bangunan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi orang kurang upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan ke atas sebarang pemajuan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini. Berdasarkan seksyen 70(13)(c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), pemaju boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT boleh mengarahkan *Principal Submitting Person* (PSP) untuk membuat penambahbaikan ke atas sesuatu pembangunan yang belum memperolehi *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) seperti menyediakan infrastruktur bagi golongan OKU. PSP yang gagal mematuhi arahan ini, boleh dikenakan penalti di bawah Subseksyen 70 (27), Akta Jalan, Akta 133 dengan nilai penalti tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya PSP gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut, PBT boleh melaporkan perkara tersebut ke badan profesional yang berkaitan untuk diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 8.7.2019 (ISNIN)

SOALAN : 7

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar dalam aspek pembangunan modal insan di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 (PHPLB) pada 29 Oktober 2018.

Pelan ini dirancang bagi tempoh **lima (5) tahun** yang menggariskan sebanyak **enam (6) Teras** iaitu **Prasarana, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian**. Sebanyak **29 Strategi** dan **94 Program** yang telah dirancang dan dijangka akan memberi manfaat kepada seramai **7.89 juta penduduk luar bandar**.

Antara inisiatif yang dirancang dan sedang dilaksanakan bagi **pembangunan modal insan** adalah:-

- **Memperbanyak Pusat Jagaan Kanak-kanak dan Pra-Sekolah KEMAS** melalui pelaksanaan salah satu daripadanya adalah **TABIKA KEMAS TRANSIT** yang mana waktu operasinya dilanjutkan sehingga jam 5.00 petang untuk membantu ibu bapa

NO. SOALAN :7

yang bekerja. Sebanyak **50 buah kelas transit** disasarkan pada tahun ini yang dapat menempatkan seramai **700 kanak-kanak**;

- **Menyumbang keperluan tenaga kerja mahir** melalui **274 buah Institusi Pendidikan TVET@KPLB** yang dikawal selia oleh MARA, KEMAS, KEDA dan PERDA. Sehingga 30 April 2019, terdapat peningkatan kemasukan pelajar sebanyak **7.2% (3,519 orang)** kepada seramai **52,513 orang** jika dibandingkan pada tahun 2018 iaitu hanya seramai **48,994 orang**.
- **Menaik taraf pendidikan Pra-Sekolah KEMAS** dengan memperkenalkan modul pendidikan baharu iaitu **Pendidikan STREAM** (*Science, Technology, Religion, Engineering, Arts and Mathematics*); dan
- **Menyesuaikan kemahiran belia dengan perubahan teknologi dan ICT** melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh MARA dengan mengkaji semula modul pembelajaran dan pengajaran di GiatMARA agar sejajar dengan perubahan ke arah Revolusi Industri 4.0.

Sehubungan itu, KPLB amat yakin bahawa melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan modal insan ini, ianya akan dapat melahirkan lebih ramai masyarakat yang berilmu, mahir serta cemerlang dan seterusnya akan dapat menaik taraf kualiti hidup yang memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah masyarakat khususnya penduduk di luar bandar.